

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 26.3.2015

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan pembelajaran bahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah seluruh negara supaya generasi akan datang bukan sahaja mahir dalam bahasa-bahasa yang menjadi bahasa ibunda pelbagai kaum di negara ini tetapi juga akan meningkatkan hubungan antara pelbagai kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selain menjadi bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan, mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah ditawarkan di sekolah kebangsaan sebagai Kelas Bahasa Ibunda sejak kemerdekaan dan terbuka kepada murid semua kaum mulai tahun 1996. Mulai tahun 2007, mata pelajaran ini dikenali sebagai Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) dan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK). Murid daripada mana-mana kaum berpeluang mempelajari bahasa Cina atau bahasa Tamil jika berminat. BCSK dan BTSK diajar 3 waktu seminggu di sekolah kebangsaan.

Untuk menjayakan pelaksanaan mata pelajaran ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sukatan atau standard kurikulum bagi BCSK dan BTSK. Bahan sokongan telah disediakan dan diedarkan ke sekolah berkenaan untuk diguna pakai dalam pelaksanaan kurikulum BCSK dan BTSK. KPM melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) juga telah mengendalikan kursus orientasi untuk menyebarkan kurikulum BCSK dan BTSK agar konsep baharu dan perkembangan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut dapat disebar luas kepada guru seluruh Malaysia.

Untuk meningkatkan hubungan antara pelbagai kaum dalam kalangan murid di sekolah rendah di seluruh negara, pembelajaran dalam bahasa etnik seperti bahasa Iban, bahasa Kadazandusun dan bahasa Semai telah dimasukkan di dalam KSSR. Bahasa Etnik ini ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif dan 3 waktu seminggu diperuntukkan kepada ketiga-tiga mata pelajaran ini. Penawaran mata pelajaran kepada semua murid di sekolah rendah yang berketurunan Iban, Kadazandusun dan Semai serta murid yang berminat untuk mempelajari bahasa-bahasa tersebut bermula daripada Tahun 1.